

TALKING POINT
BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN
(PINGAT PERAK DAN GANGSA) 2012
KESINAMBUNGAN
MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP
PADA 22 APRIL 2013, JAM 2.15 PETANG DI DEWAN KEIKHLASAN TINGKAT
10 BANGUNAN KWSP

Bismillaahir rahmaanir rahiim. Alhamdulillaahi rabbil'aalamiin. Wassolaatu wassalaamu 'alaa saiyyidinaa Muhamadin asyrafil anbiyaa'i walmursaliin. Wa'alaa aalihii wasohbihii ajmaiin.

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan Dan Ketua Jabatan UniMAP

seterusnya warga penyelidik UniMAP yang diraikan sekalian.

KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama dalam Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan

Penyelidikan 2012 yang merupakan kesinambungan Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP yang telah kita adakan pada 20 Mac yang lalu.

2. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, ingin saya perjelaskan perihal mengenai penganjuran majlis ini secara berasingan dari ASG. Bukanlah niat kita untuk tidak mahu mengadakan penganugerahan ini pada malam ASG yang lalu. Tetapi kekangan masa yang tidak mengizinkan kita untuk melahirkan penghargaan kita kepada para penyelidik yang begitu banyak memberikan sumbangan dalam mengharumkan nama UniMAP.
3. Atas dasar tersebut, sengaja saya meminta pihak sekretariat untuk mengaturkan satu masa yang lain agar dapat kami dari pihak pengurusan tertinggi universiti untuk melahirkan penghargaan atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para penyelidik dalam mengharumkan nama UniMAP sepanjang tahun 2012.

ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (PINGAT PERAK DAN GANGSA) 2012

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Seperti yang saya katakan tadi, Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan 2012 ini diadakan khusus bagi memberi penghargaan kepada para penyelidik yang banyak memberikan sumbangan melalui kejayaan yang diraih dalam pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa sehingga menjadikan nama UniMAP meniti di bibir seanterio dunia.

5. Saya berharap dengan penganjuran majlis pada hari ini akan membakar semangat para penyelidik kita supaya dapat menghasilkan penyelidikan yang memberi manfaat kepada masyarakat, bangsa dan Negara. Ianya sekaligus dapat meningkatkan kecemerlangan UniMAP dalam bidang penyelidikan supaya melebihi pencapaian semasa kita. InsyaAllah.
6. Tanamkanlah dalam hati para penyelidik untuk memperbaiki pencapaian produk penyelidikan agar meraih pingat yang tertinggi iaitu pingat emas. Bukanlah suatu kekurangan seandainya mendapat pingat perak atau gangsa tetapi dalam kehidupan kita ini, seharusnya kita menanamkan sikap ingin terus maju dan memandang ke hadapan. Semoga dengan sasaran perubahan itu akan membantu membawa penyelidik untuk mencipta produk penyelidikan yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana juri sehingga akhirnya dianugerahkan penyelidik UniMAP dengan pingat emas. InsyaAllah.

INISIATIF UniMAP KEPADA PENYELIDIK

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Pelbagai inisiatif telah UniMAP tawarkan kepada para penyelidik bagi menggalakkan penghasilan lebih banyak penyelidikan yang berkualiti di masa akan datang. Apa yang boleh saya katakan adalah inisiatif yang diberikan oleh UniMAP kepada penyelidik adalah seperti, ‘ambil menyelam minum air’ kepada para penyelidik. Ianya memberi manfaat yang besar kepada penyelidik itu sendiri.
8. Hal ini kerana, kelebihan ini adalah berpihak kepada para penyelidik di mana untuk setiap penyelidik yang berjaya dalam penyelidikannya dalam erti kata mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar Negara, mereka akan menikmati insentif yang berupa wang dan juga sijil.

9. Ini secara tidak langsung, para penyelidik mendapat tiga kelebihan dengan menggunakan satu produk penyelidikan sahaja iaitu pengiktirafan penyelidikan dari dalam atau luar Negara, sumbangan kepada inovasi negara dan juga penghargaan dari UniMAP sendiri.
10. Oleh itu, rebutlah peluang ini dengan sebaik-baiknya. Panjangkanlah kata-kata saya ini kepada penyelidik-penyalidik yang lain agar menjadi pembakar semangat mereka untuk bersaing mencipta produk penyelidikan yang memberi kebaikan kepada semua pihak.
11. Di sini ingin saya kongsikan apa yang bakal para penyelidik perolehi sekiranya terus-menerus menghasilkan produk penyelidikan yang membantu meningkatkan bidang sains dan teknologi Negara kita. Dan kemanisan sebagai penyelidik selama ini sedang saya rasai sekarang ini.
12. Baru-baru ini, UniMAP dan saya telah dianugerahkan "Syarikat Terbaik" dan "Pengurus Terbaik" oleh European Business Assembly (EBA). Anugerah bagi Syarikat Terbaik yang diperolehi oleh UniMAP adalah dengan mengambil kira kriteria pembangunan universiti dari segi professional dan juga aspek pengkomersialan.
13. Manakala bagi kategori yang saya perolehi pula adalah berdasarkan pencapaian saya yang menjadi model positif kepada masyarakat dan sumbangan di dalam inovasi, sains dan keusahawanan. Malah jika disoroti, saya juga pernah dianugerahkan Champion of MINDS pada International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) 2011 oleh Malaysian Invention And Design Society (MINDS). Anugerah tersebut adalah sebagai satu pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha-usaha saya untuk

menaikkan inovasi dan penyelidikan penyelidik muda ke peringkat lebih tinggi.

14. Oleh itu, cabaran untuk mencipta produk penyelidikan yang para penyelidik hadapi sekarang ini, insyaAllah akan terbalas dengan kemanisan dan kepuasan bekerja suatu hari nanti. Saya ingin menyeru kepada semua penyelidik untuk terus tingkatkan usaha, tanamkan azam dan lakukan yang terbaik agar produk penyelidikan hasilan para penyelidik mempunyai impak yang tinggi dan selayaknya mendapat pengiktirafan daripada pihak luar.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada hari ini. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua penyelidik untuk menggandakan usaha bagi menghasilkan penyelidikan bermutu tinggi supaya dapat memberi sumbangan kepada UniMAP, masyarakat, bangsa dan Negara. InsyaAllah.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.